

BAYARAN TERHADAP PERKHIDMATAN MENCETAK DOKUMEN TERKAWAL

Jabatan Pengangkutan Jalan
Kementerian Pengangkutan

Perkara Utama

Apa yang diaudit?

- Bayaran perkhidmatan mencetak dokumen terkawal oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ).

Mengapa ia penting untuk diaudit?

- Untuk menentukan sama ada bayaran perkhidmatan mencetak dokumen terkawal telah dilaksanakan dengan teratur dan mematuhi undang-undang, peraturan kewangan serta perjanjian yang berkuat kuasa.

Apa yang ditemui Audit?

- Secara keseluruhannya, berdasarkan skop Audit, terdapat kelemahan dalam pembayaran perkhidmatan mencetak kad Lesen Memandu Malaysia (LMM) melibatkan pembaziran dan kerugian wang awam berjumlah RM14.38 juta. Perkara ini berlaku disebabkan oleh kelemahan pemantauan oleh JPJ terhadap peraturan dan perjanjian yang berkuat kuasa. Penemuan Audit adalah seperti berikut:
 - sebanyak 1.83 juta keping kad LMM tidak digunakan bernilai RM14.23 juta; dan
 - penalti sejumlah RM149,178 tidak dikenakan terhadap pelanggaran Service Level Agreement (SLA).

Apa yang disyorkan Audit?

- Pihak Audit mengesyorkan perkara seperti berikut:
 - memastikan pemantauan terhadap penggunaan stok kad dibuat dari semasa ke semasa bagi memastikan penggunaan stok kad adalah secara optimum supaya tidak berlaku pembaziran;
 - memastikan SLA dipatuhi oleh syarikat dan sekiranya gagal, penalti atau denda dikenakan dengan segera; dan

- memastikan pemantauan terhadap perkhidmatan dibuat dengan lebih berkesan dengan mengambil tindakan segera terhadap masalah berbangkit.